

16/05/2002

Pembangkok bincang pengagihan kerusi

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua parti dalam pakatan pembangkang serta DAP dijangka berbincang mengenai pengagihan kerusi untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang dalam masa terdekat ini kerana mereka menjangka pembubaran parlimen mungkin diumumkan bila-bila masa saja.

Timbalan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Razak Ahmad, berkata memang sudah sampai masanya untuk pakatan pembangkang membincangkan semula isu pengagihan kerusi memandangkan banyak perubahan berlaku sejak pilihan raya lalu.

"Kita harus bersedia sekarang kerana sejak akhir ini, kebanyakan laporan akhbar mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membayangkan kemungkinan pilihan raya diumumkan bila-bila masa adalah tinggi," katanya.

(END)